

Industri perlu **tingkatkan ilmu**

Industri Malaysia perlu bersedia bagi mendepani gelombang Revolusi Industri 4.0 dengan memiliki ilmu yang lebih relevan bagi mencetuskan inisiatif kerjasama antara pemain industri dan pelanggan masing-masing.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, masyarakat perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan, pendekatan, kemampuan dan strategi revolusi itu bagi mendapatkan manfaat sepenuhnya.

Revolusi Industri 4.0 mencakupi penemuan pelbagai teknologi baharu yang bakal merancakkan kemajuan dan mencorakkan landskap dunia moden serta kesan kumulatifnya terhadap dunia.

"Keseluruhan idea Revolusi Industri 4.0 ini adalah ilmu, kita melakukan pembaharuan untuk selesaikan masalah serta mewujudkan dan menyusun setiap

segmen pasaran seperti industri pertanian yang paling kurang mendapat perhatian masyarakat," katanya selepas Persidangan Pengukuhan Rakan Perkongsian Industri-Akademik anjuran Universiti UCSI.

Persidangan itu bertujuan mewujudkan kesedaran dan meningkatkan kefahaman revolusi terkini selain membincangkan kesan potensi kepada kerajaan, industri, pendidikan dan masyarakat serta mengatur strategi antara pihak industri dan akademik bagi menghadapi cabaran.

Ia juga menekankan kepentingan memperoleh idea inovatif bukan sahaja daripada pemain industri malah pengguna.

Sementara itu, Wilfred menegaskan kementerianya tekad untuk menumpukan kepada cabaran-cabaran negara dengan mencari jalan penyelesaian menerusi Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

Beliau komited menerajui dua tema

utama aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50) sebagai peneraju idea pelbagai bentuk ekonomi terkini dan masyarakat yang saling berkait.

"Dalam usaha menuju ke arah negara maju, agenda membangunkan STI akan terus dipergiat bagi memacu pembangunan ekonomi negara.

Sehubungan itu, MOSTI juga akan memberi tumpuan kepada IoT, Big Data, Artificial intelligent dan seumpamanya bagi menghadapi Revolusi 4.0.

Menurut Forum Ekonomi Dunia (WEF), dijangka sebanyak 65 peratus daripada kanak-kanak yang masuk ke sekolah rendah akan bekerja dalam bidang pekerjaan yang baharu berlandaskan STEM. STEM juga telah dikenal pasti



sebagai bidang yang akan membentuk modal insan negara untuk memenuhi permintaan kerjaya masa depan dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0.

Kementerianya juga menekankan, "Tahun 2017 menjadi Year of Delivery, Tahun Penyampaian yang berjaya sekiranya mindset warga MOSTI fokus kepada penyampaian perkhidmatan, usaha, latihan, penambahan nilai dan segala-galanya untuk kebajikan rakyat.